

MESYUARAT MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR KEBANGSAAN (MPPK)

12/05/2014

DEWAN TUN HUSSEIN ONN, PWTC, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahuwa Ta'ala kerana atas limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat kita bertemu pada hari yang berbahagia ini sempena Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan atau MPPK bagi Tahun 2014. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir kerana dapat meluangkan masa bagi membincangkan isu-isu yang akan dibentangkan oleh perwakilan mahasiswa di samping sesi soal jawab sebentar nanti.

Saudara, saudari perwakilan dan ahli mesyuarat sekalian,

2. Bermula tahun 1999 sehingga kini, Mesyuarat MPPK telah memasuki tahun ke-16 pelaksanaannya dan mesyuarat kali ini merupakan mesyuarat MPPK bilangan ke-24. Sebagai makluman semua, Mesyuarat MPPK merupakan platform utama bagi barisan kepimpinan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menyuarkan isu-isu, memberi cadangan serta pandangan dalam menambahbaik dasar serta program pembangunan negara. Melalui MPPK ini juga, perwakilan mahasiswa diberi peluang dan kebebasan untuk mendapatkan penjelasan, melontarkan idea-idea dan pandangan berkaitan isu semasa meliputi aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial dan sebagainya. Saya percaya melalui perbincangan ini, mahasiswa mampu memainkan peranan dalam mencorak masa depan negara.

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) DAN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI (ETP)

3. Pembangunan negara kita pada masa kini dipacu oleh Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Kedua-dua program ini membentuk Dasar Transformasi Nasional yang bertujuan untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun

2020.

4. Perkembangan ekonomi negara memperlihatkan kejayaan pelaksanaan ETP di mana pada tahun 2012, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat kepada 749.1 bilion berbanding 629.9 bilion pada tahun 2009. Peningkatan KDNK ini memberi impak positif kepada peningkatan peluang pekerjaan dan penambahbaikan kehidupan isi rumah rakyat Malaysia. Pendapatan rakyat juga secara amnya meningkat di mana gaji purata mencatat peningkatan sebanyak 6%, iaitu lebih tinggi daripada inflasi pada kadar 2.1%.

5. Dengan perkembangan ekonomi yang baik ini, Kerajaan dapat membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup mereka. Tahun ini misalnya, Kerajaan akan membelanjakan lebih 40 bilion ringgit untuk subsidi makanan, bahan api dan pendidikan serta sokongan untuk isi rumah berpendapatan rendah. Lebih-lebih lagi dengan peralihan daripada amalan subsidi menyeluruh kepada subsidi bersasar, kita akan memperoleh nilai yang lebih baik untuk setiap ringgit yang dibelanjakan.

6. Tahun ini juga, penerima BR1M mencecah 7 juta orang, termasuk buat pertama kalinya mereka yang berpendapatan antara 3,000 ringgit dan 4,000 ringgit sebulan menerima BR1M. Untuk tempoh lima tahun akan datang, Kerajaan akan meningkatkan jumlah BR1M kepada 1,200 ringgit setahun untuk membantu rakyat menampung kos sara hidup yang meningkat.

7. Di samping itu, Kerajaan turut menawarkan bantuan kewangan sehingga 30,000 ringgit untuk membina rumah kos rendah baharu menerusi skim Myhome, membuka kedai-kedai 1Malaysia untuk menyediakan barangan keperluan asas dengan harga yang murah dan klinik 1Malaysia untuk menyediakan penjagaan kesihatan pada kos yang berpatutan. Bagi melindungi golongan berpendapatan rendah pula, Kerajaan telah memperkenalkan gaji minimum untuk menjamin taraf hidup yang lebih baik. Selain itu, Kerajaan juga membantu isi rumah berpendapatan sederhana menerusi pengurangan cukai 1% dan pelepasan cukai individu iaitu Pelepasan Khas 2,000 ringgit diberi kepada mereka yang berpendapatan sehingga 8,000 ringgit sebulan untuk Tahun Taksiran 2013.

8. Alhamdulillah, berkat kerjasama dan usaha gigih semua pihak sama ada rakyat terbanyak, pihak swasta, penjawat awam mahupun Anggota Pentadbiran, sebahagian besar matlamat yang telah dirancang berjaya dicapai. Kesannya, taraf dan kualiti hidup rakyat semakin baik, ekonomi negara

semakin berkembang manakala kedudukan kewangan Kerajaan terus lestari. Perancangan dan pelaksanaan ETP dan GTP bukan sahaja membuktikan iltizam Kerajaan terhadap falsafah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, tetapi ia juga merupakan percubaan paling berani yang pernah dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan di dunia dalam mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

PELAKSANAAN GOODS AND SERVICES TAX (GST)

9. Pada September 2013, Kerajaan telah mengumumkan penyusunan semula program subsidi dan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) secara berperingkat. Saya menjelaskan bahawa GST pada kadar 6% yang akan dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan akan menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). GST bukan menambah kadar cukai sedia ada. Malah ada barangan yang akan berkurangan kadar cukai yang dikenakan apabila GST mula dilaksanakan pada tahun hadapan. Di samping itu, banyak barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST termasuk makanan asas seperti beras, tepung, dan minyak serta perkhidmatan penting seperti bekalan air di rumah dan pengangkutan awam.

10. Jika ekonomi kita hendak terus berkembang kukuh, kita bukan sahaja perlu mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif, malah juga perlu memiliki sistem kutipan cukai yang adil, telus dan efisien. Dengan GST, hasil negara kita akan meningkat dan kita boleh menggunakan lebih banyak wang untuk pelaburan dalam bidang-bidang yang produktif seperti infrastruktur asas, sekolah dan penjagaan kesihatan.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PPPM)

11. Mengenai sektor pendidikan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelan ini juga menggariskan 11 Anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh Sektor Pelajaran KPM bagi mencapai visi yang dihasratkan. Usaha yang telah dirangka dan akan dilaksanakan untuk mentransformasi sistem pendidikan negara diharap dapat difahami dengan jelas oleh masyarakat keseluruhannya.

12. Lanjutan pelaksanaan PPPM di peringkat pra-sekolah hingga lepasan menengah, KPM telah mengambil inisiatif untuk merangka dan

membangunkan Blue Print Pengajian Tinggi. Blue Print ini yang berasaskan kajian semula Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) bertujuan untuk menentukan hala tuju pengajian tinggi yang dijangka akan dilaksanakan mulai tahun 2015 sehingga 2025. Blue Print ini akan dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi), 2015-2025.

MAKLUMBALAS TERHADAP CADANGAN-CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN DALAM MESYUARAT MPPK 2013

Saudara-saudari perwakilan dan ahli mesyuarat sekalian,

13. Pihak Kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan telah meneliti dengan terperinci setiap cadangan yang dikemukakan dalam Mesyuarat MPPK Tahun 2013. Berikut adalah maklum balas pihak Kerajaan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan:

Sekolah Wawasan

14. Pertama, mengenai Sekolah Wawasan. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk memperluaskan Sekolah Wawasan. Dari aspek perpaduan nasional, kerajaan melalui PPPM akan meneruskan usaha memperkasa peranan sekolah kebangsaan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum. Bagi memenuhi keperluan murid pelbagai kaum untuk mempelajari bahasa ibunda, KPM akan menambah bilangan guru bahasa Mandarin dan bahasa Tamil yang berkelayakan di sekolah-sekolah kebangsaan.

Industri Sukan Negara

15. Kedua, mengenai industri sukan negara. Akta Pembangunan Sukan 1997 (APS 1997) bertujuan mendaftar dan mengawal selia tadbir urus badan-badan sukan yang berdaftar dengan APS 1997. Melalui APS 1997, sebarang pertikaian dalaman seharusnya diselesaikan secara dalaman oleh badan-badan sukan tersebut. Ini adalah kerana setiap badan sukan mempunyai proses timbang tara masing-masing dan sekiranya berlarutan, boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Arbitrari yang diwujudkan oleh Majlis Olimpik Malaysia kepada badan-badan sukan gabungannya. Seterusnya, pertikaian yang tidak dapat diselesaikan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Timbangtara Antarabangsa (CAS-Court Arbitrary for Sports).

16. Dalam memastikan kemajuan dan kelestarian sukan bola sepak negara pula, terdapat usaha-usaha pembangunan sukan melalui sistem piramid yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk melatih pemain-pemain pelapis dari umur 7 hingga 17 tahun yang akan menjadi feeder kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

17. Dalam aspek pelancongan sukan pula, KBS sentiasa memberi sokongan serta bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menerusi Malaysia Major Events yang sebelum ini dikenali sebagai Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB), terutamanya dalam membida dan membawa masuk acara-acara berkaitan sukan di Malaysia serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan dalam penganjuran sukan antarabangsa.

Perumahan Siswa

18. Ketiga, mengenai perumahan siswa. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama KPM sedang meneliti kemudahan kolej kediaman sedia ada di semua kampus IPTA. Adalah didapati pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu pada tahun 2010, sebanyak 76.33% kemudahan asrama telah disediakan.

19. Lanjutan itu, analisis kapasiti asrama sedang dikaji bersama jumlah enrolmen mahasiswa di IPTA. Ini kerana enrolmen mahasiswa di IPTA telah meningkat daripada 462,780 orang pada tahun 2010 kepada 521,793 orang pada tahun 2012. Manakala kapasiti asrama baru yang dibina di bawah inisiatif pembiayaan swasta di bawah RMKe-10 adalah sebanyak 75,184. Daripada jumlah ini 7,184 telah siap dibina, 39,000 dalam pembinaan dan baki 29,000 masih dalam pelbagai peringkat perundingan.

20. KPM juga sedang membangunkan kolej-kolej kediaman mahasiswa yang baharu melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). Adalah dijangkakan kolej-kolej ini dapat menampung lebih 54,000 mahasiswa. Pada masa yang sama, Unit Perancang Ekonomi JPM bersama-sama KPM juga sedang meneliti unjuran enrolmen mahasiswa dalam pendidikan tinggi bagi IPTA dan IPTS sehingga tahun 2020. Perkara ini akan diperhalusi dalam RMKe-11. Memandangkan enrolmen mahasiswa yang optimum dan penyediaan asrama kepada mahasiswa adalah berkait rapat, analisis tersebut perlu dikaji bersekali untuk menentukan kapasiti penyediaan akses kepada pendidikan tinggi dan kemudahan asrama yang optimum bagi Malaysia yang akan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kertas strategi ini juga akan

mencadangkan model pembiayaan tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Undang-Undang Diwujudkan Bagi Menjamin Kesejahteraan Dan Keharmonian Negara

21. Keempat, mengenai cadangan mewujudkan undang-undang bagi menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan negara. Bagi menangani perkara ini, Kerajaan telah mengambil langkah progresif dengan melaksanakan Ops Cantas bermula 17 Ogos 2013 dan ini terbukti dengan penurunan kadar jenayah terancang sebanyak 33%. Selain itu, Kerajaan juga telah membuat pindaan terhadap Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 bagi menangani masalah kongsi gelap dan gengsterisme serta akan memperluaskannya di Sabah dan Sarawak.

22. Ini adalah sebahagian daripada maklumbalas terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Mesyuarat MPPK yang lalu. Ahli-ahli mesyuarat boleh merujuk kepada Kertas Mesyuarat yang diedarkan untuk mendapatkan maklumbalas yang lebih terperinci daripada Kementerian dan agensi yang berkaitan.

23. Saya percaya semua perwakilan dan ahli mesyuarat yang hadir pada hari ini sememangnya matang dan rasional dalam melontarkan pendapat masing-masing. Saya kira kehadiran ramai wakil daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan merupakan satu komitmen yang cukup tinggi dan positif yang ditunjukkan oleh pihak Kerajaan untuk mendengar suara mahasiswa dan mengambilkira pandangan yang dilontarkan oleh saudara dan saudari semua dalam menggubal dasar, strategi dan program untuk pembangunan negara. Ini sudah tentu menunjukkan betapa pentingnya Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada hari ini.

24. InsyaAllah, kesemua pandangan bernas yang dikemukakan pada hari ini akan dijadikan input kepada Kerajaan untuk pertimbangan selanjutnya. Mudah-mudahan mesyuarat kita pada hari ini akan membuahkan hasil yang akan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara kita. Marilah kita sama-sama berdoa agar perbincangan kita pada hari ini dirahmati oleh Allah s.w.t. dan diganjarinya.

Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

